

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, dan **satu** soalan Bahagian D.

## BAHAGIAN A

[25 markah]

1. *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- i. Beberapa orang murid di sekolah menengah tersebut diberikan hadiah atas kejayaan mereka mengharumkan nama sekolah mereka di dalam pertandingan reka cipta itu.
- 
- ii. Pihak pengurusan Sri Malaysia Hotel menawarkan pakej yang menarik kepada para pelanggan sempena cuti sekolah.
- 
- iii. Pelancong dari negara Jepun itu sangat sukaan buah-buahan tempatan seperti durian dan manggis.
- 
- iv. “Sudahkah kamu menyiapkan kerja rumah yang aku berikan semalam?” tanya Cikgu Azizi kepada murid-murid Kelas Tingkatan Dua Bestari.
- 

[8 markah]

2. *Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i)Pihak majikannya telah mengenakan tindakan disiplin atas sikapnya yang malas dan bermulut celupar sewaktu menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya.

---

(ii) Sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke 56 telah diadakan secara sederhana disebabkan ekonomi negara yang belum pulih sepenuhnya.

---

(iii)Kedua-dua orang petinju professional yang sedang bertinju di gelanggang itu keletihan apabila memasuki pusingan yang ke-6.

---

[3 markah]

3. Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi satu ayat majmuk.

- (i) Barang-barang itu bermutu rendah.  
Harga barang-barang itu mahal.

---

---

- (ii) Encik Rizal masuk ke bilik kerjanya.  
Encik Rizal meneruskan pekerjaannya.

---

---

- (iii) Haris berhijrah ke luar negara.  
Haris memohon maaf atas segala kesilapannya.

---

---

- (iv) Mereka diberi kebebasan untuk menyewa calet ini.  
Mereka diberi kebebasan untuk menyewa calet itu.

---

---

- (v) Jalan di situ licin.  
Penunggang-penunggang motosikal itu masih menunggang motosikal dengan lajunya.

---

---

[10 markah]

4. Lihat gambar di bawah ini dengan teliti, kemudian tulis **satu** peribahasa yang sesuai dengan gambar tersebut.

(i)

---

(ii)

---

[4 markah]

## **BAHAGIAN B**

[30 markah]

5. *Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mira sayangku,

Gejala sosial yang hebat melanda masyarakat kota seperti dadah, budaya lepak, bohsia atau lebih teruk sekali kes buang bayi begitu menghantui dan menakutkan ibu. Biarpun ibu dan ayah telah berusaha mendidik Mira dengan didikan agama, tetapi perasaan bimbang masih bersarang dalam hati ibu. Ibu takut angin keruntuhan moral ini akan mempengaruhi Mira secara perlahan-lahan. Pengaruh rakan-rakan sebaya dalam pergaulan sehari-hari, atau suasana persekitaran ialah satu sebab gejala ini boleh berlaku. Mira masih terlalu muda untuk membuat pertimbangan baik buruknya sesuatu keadaan. Corak pergaulan dan persekitaran di kampung ternyata masih yang terbaik kerana masih mengekalkan amalan dan ciri-ciri hidup masyarakat berharmoni.

Ibu juga begitu mengimpikan anak-anak yang soleh, yang mampu menghargai kasih sayang dan pengorbanan orang tuanya. Di kampung, Mira lebih terdedah kepada nilai-nilai moral bercirikan keagamaan. Mira akan dapat mempelajari al-Quran dan mendalami agama dengan datuk dan nenek.

Bukanlah bererti ibu dan ayah mahu lepas tangan dan melupakan tanggungjawab kami terhadap Mira. Mira sendiri tahu ibu dan ayah terlalu sibuk dengan urusan-urusan kerja dan tidak banyak mempunyai masa terluang untuk membimbing Mira. Kami berusaha mengumpulkan harta untuk masa depan Mira dan adik-adik. Kalian harta kami juga. Kami inginkan harta yang bernilai ini menjadi lebih bernilai dengan pengisian ilmu yang berguna untuk masa depan.

(Dipetik daripada cerpen *Warkah daripada Ibu* oleh Rohani Deraman, antologi *Gema Sepi Gadis Genius*, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan di atas, apakah punca yang menyebabkan berlakunya gejala keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat? (3 markah)
- 
- 

- (ii) Huraikan latar masyarakat di kampung berdasarkan petikan di atas. (3 markah)
- 
- 

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah ibu bapa perlu menekankan aspek keagamaan dalam diri anak-anak mereka? (4 markah)
- 
-

6. Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **SYAIR NASIHAT (PENGHUJUNG THAMARAT AL-MUHIMMAH)**

Dengan tuan ayahanda berperi,  
Kepada anakanda muda bestari,  
Nasihat kebajikan ayahanda beri,  
Amalkan jangan malas dan ngeri.

Ayuhai anakanda muda remaja,  
Jika anakanda menjadi raja,  
Hati yang betul hendak disahaja,  
Serta rajin pada bekerja.

Kerja kebajikan janganlah malas,  
Zahir dan batin janganlah culas,  
Jernihkan hati hendaklah ikhlas,  
Seperti air di dalam gelas.

Menuntut ilmu janganlah segan,  
Ilmu yang benar jangan yang bukan,  
Iaitu ilmu yang kebajikan,  
Di kitab ini sudah disebutkan.

Hendaklah anakanda mengaji selalu,  
Dari yang lain lebihkan dahulu,  
Had syarak jangan dilalu,  
Tidaklah anakanda beroleh malu.

Segala perbuatan dengan berilmu,  
Maka kebajikan boleh bertemu,  
Jika sebarang-barang diramu,  
Akhirnya anakanda jatuh bersemu.

Ilmu itu besar faedahnya,  
Membazirkan hak dengan batilnya,  
Mengetahui rakyat benar salahnya,  
Supaya dihukumkan dengan adilnya.

Jika ilmu tidak diendah,  
Sebab anakanda capak permudah,  
Rakyat datang membawa gundah,  
Anakanda tercengang tunduk tengadah.

(Dipetik daripada antologi *Gema Sepi Gadis Genius*, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan syair di atas, nyatakan nasihat-nasihat yang disampaikan ayahanda kepada anakandanya. [3 markah]

---

---

- (ii) Jelaskan persoalan-persoalan yang terkandung dalam syair tersebut. [3 markah]

---

---

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimakah cara membalas jasa ibu bapa kita? [4 markah]

---

---

7. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2.

- (i) *Wira Persona Avatari* oleh Prof. Ahamad Zaki Abu Bakar
- (ii) *Erti Sebuah Pengorbanan* oleh Zaihanim Zainal Abidin
- (iii) *Lestari Bukit Menghijau* oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim
- (iv) *Di Sebalik Wajah* oleh Abang Saifuddin Abang Bohari

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, pilih **tiga nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut. Berikan **satu** contoh bagi setiap nilai tersebut [10 markah]

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

### **BAHAGIAN C**

[15 markah]

- 8.** *Lihat gambar di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam gambar tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.*

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**BAHAGIAN D**  
[30 markah]

- 9.** *Pilih satu daripada soalan di bawah ini. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.*

- (i) Selaku ketua murid, anda telah terpilih untuk menyampaikan ucapan tentang usaha-usaha untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Tulis teks ucapan itu selengkapnya.

- (ii) Institusi keluarga memainkan peranan yang sangat penting untuk mewujudkan suatu masyarakat yang harmoni di Malaysia.

Huraikan langkah-langkah yang dapat diambil untuk mewujudkan keluarga yang bahagia.

- (iii) Pada cuti sekolah baru-baru ini, anda sekeluarga telah melancong ke tempat-tempat menarik yang terdapat di negara kita.

Bincangkan faedah-faedah yang dapat anda peroleh daripada percutian tersebut.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**KERTAS SOALAN TAMAT**